

25/04/1997

Peniaga tempatan digalak ke Arab Saudi

PELABUR dan peniaga Malaysia digalak melabur serta mewujudkan usaha sama di Arab Saudi kerana produk yang diperkenalkan terutama pada musim haji dapat didedahkan kepada jutaan umat Islam dari pelbagai negara pengguna di dunia.

Menteri Perdagangan Arab Saudi, Dr Osama Jaffar Faquih, berkata seperti juga negara ini, Arab Saudi mengamalkan dasar perdagangan bebas dan keduanya pula anggota kuat Bank Pembangunan Islam (IDB) yang boleh membantu dari segi pembiayaan perniagaan serta tanggungjamin pelaburan.

"Hasrat kita ialah supaya jumlah dagangan di antara Malaysia dan Arab Saudi meningkat dua atau tiga kali ganda dari segi kuantiti serta mempelbagaikan barangan import-eksport berbanding jumlah kini.

"Pelabur Malaysia misalnya boleh melabur dalam semua sektor ekonomi di negara kami terutama sektor perindustrian dan petrokimia," katanya selepas mengunjungi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, Datuk Seri Rafidah Aziz di pejabatnya di Kuala Lumpur semalam.

Osama yang juga bekas Presiden IDB dan tiba di Kuala Lumpur kelmarin untuk menghadiri simposium dunia Islam yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu negara hari ini, berkata pelabur Malaysia harus mengambil kesempatan untuk melabur di negaranya yang sememangnya menjadi tumpuan umat Islam setiap tahun.

Berdasarkan perangkaan, Malaysia mengeksport barangan seperti kelapa sawit, barangan kemas dan alat penerima RM801.7 juta tahun lalu berbanding RM847 juta pada 1995 manakala import dari Arab Saudi seperti minyak mentah bernilai RM826.3 juta tahun lalu berbanding RM569 juta pada tahun sebelumnya.

Beliau berkata, dagangan antara kedua negara berkembang pesat dalam tempoh lima tahun lalu dan percaya masih banyak ruang serta potensi bagi memperkembangkannya.

Katanya, jumlah pelabur Arab Saudi di negara ini sekarang bertambah ramai terutama di kalangan sektor swasta tetapi nilai pelaburan masih kecil dan berharap rakan sejawat di Malaysia juga dapat mengenal pasti peluang yang sama di negaranya sebagai timbal balas.

(END)